

# 'Perkasa semula Rukun Negara bina negara berdaulat'



**Sempena Hari Kemerdekaan Ke-63, perpaduan rakyat mampu diperkuuhkan lagi sekiranya mereka memahami sejarah dan perjuangan bangsa, terutama prinsip digaris dalam Rukun Negara.**

**Sultan Sharafuddin Idris Shah,  
Sultan Selangor**

**Shah Alam:** Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, menzahirkan harapan untuk melihat Rukun Negara diperkaskan semula ke arah membina sebuah negara bangsa yang berdaulat dan disegani.

Dalam hal ini, baginda mahu rakyat lebih menghayatinya bersama-sama sambutan Jubli Emas 50 tahun pengisytiharan Rukun Negara sebagai tunjang perpaduan Malaysia.

Baginda bertitah bahawa sempena Hari Kemerdekaan Ke-63, perpaduan rakyat mampu diperkuuhkan lagi sekiranya mereka memahami sejarah dan perjuangan bangsa, terutama prinsip digaris dalam Rukun Negara.

"Kurangnya penekanan terhad-

dap Rukun Negara sejak 1980-an sehingga kini menyebabkan masih ada rakyat tidak mengamalkan asas yang didukung di dalamnya.

"Namun, perkembangan semasa menunjukkan ada usaha serius untuk menerapkan prinsip Rukun Negara ke arah memperkuuh keharmonian kaum di negara ini," titah baginda dalam hantaran di Facebook Royal Selangor Office, semalam.

Sultan Sharafuddin juga bertitah mahu lima prinsip Rukun Negara yang digubal pada 1970 itu, bukan sahaja dihafal, tetapi dihayati, diamalkan dalam kehidupan sehari-hari rakyat.

Baginda berpandangan, masih kurang penghargaan dan apresiasi terhadap Rukun Negara di-

terapkan dalam agenda perpaduan nasional.

"Ia berpunca daripada kelelahan segelintir rakyat dalam mendukung keluhuran Perlembagaan dalam setiap tindakan, serta kegagalan menghormati kedaulatan institusi Raja di negara ini.

"Rakyat Malaysia diseru mengambil teladan daripada kaedah penghayatan dan pemahaman rakyat Indonesia terhadap prinsip nasional mereka menerusi 'Pancasila' yang terbukti berkesan dan diamalkan secara serius dalam memupuk semangat patriotisme," titah baginda.

Baginda juga berkenan mengutuskan ucapan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Ke-63 kepada seluruh rakyat Malaysia.

# Blueprint to strengthen national unity underway

**SHAH ALAM:** The government is embarking on various methods to strengthen national unity, and one of it is by formulating a unity blueprint, says Deputy National Unity Minister Datuk Seri Ti Lian Ker.

The blueprint is at the townhall meeting stage and will be launched by Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah soon," Ti told reporters after presenting mini flags and refreshments to motorists here yesterday.

According to Ti, the King was supportive of the blueprint and had voiced his concerns about the need to strengthen national unity.

"The King has also expressed his interest in the unity agenda," said Ti, adding that the blueprint would be launched after the townhall concludes and a date is given by the palace.

Ti said the government was working on inculcating a strong unity agenda among the people.

"We are trying to excite the people, especially the youth, to include the unity agenda as part of their activities," he added.

Ti said this was crucial given that there was so much division taking root due to irresponsible people using social media to sow seeds of discord.

"This is not only happening in our country but is a global thing.

"The new media has given people the chance to express themselves, but when doing so, they forget that they are hurting the feelings of others," he added.

Ti reiterated that strengthening national unity must start with the young, and is timely because current trends have reduced the amount of face-to-face interactions.

The Star, pg , 29 Aug 2020